

▼05/04/19-27MST

U PB 05-04 00147 BH615

BAH

Mahathir - Persidangan

UMNO MENGADAKAN PERSIDANGAN KHAS 19 JUN INI

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- UMNO akan mengadakan persidangan khas pada 19 Jun ini bagi membincang mengenai pindaan perlembagaan parti, terutamanya berkenaan politik wang, kata Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, UMNO akan menyediakan pindaan kepada perlembagaan parti itu bagi membolehkannya mengambil tindakan terhadap anggota parti yang terlibat dengan politik wang.

Persidangan sehari itu akan dihadiri perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada November lepas, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO selama tiga setengah jam di Ibu Pejabat UMNO, di sini.

Katanya, wakil Pergerakan Pemuda dan Wanita akan turut hadir pada perhimpunan itu.

Dr Mahathir juga berkata, semua cawangan UMNO di Sabah hendaklah mengadakan pemilihan jawatankuasa cawangannya pada persidangan UMNO cawangan tahun ini. -- Lagi.

▼05/04/20-12MST

CNS8830

U PB 05-04 00137 BH617

BAH

Mahathir - Persidangan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, Majlis Tertinggi UMNO hari ini turut memutuskan bahawa semua Perhubungan UMNO Negeri mengadakan perayaan yang sesuai sebagai memperingati hari kelahiran UMNO pada 11 Mei ini.

Ibu Pejabat UMNO akan mengadakan majlis doa selamat dan upacara naik bendera oleh Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada hari itu, katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak dapat menghadiri majlis itu kerana berada di luar negara pada masa itu.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO hari ini turut meluluskan permohonan anggota baru UMNO yang terdiri daripada bekas Ketua Wanita Semangat 45, Datin Paduka Rahmah Osman dan dua bekas anggota Parti Bersatu Sabah iaitu Datuk Nurnikman Abdullah (Kimanis) dan Taimin Lumaing (Pensiangan). -- Bernama.

HK AH KAM.

▼05/04/20-20MST